

# BAB 1

## **1. PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Dalam bab pendahuluan ini, penulis akan membincangkan beberapa perkara asas dalam penyediaan disertasi yang diperlukan sebagai syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Sastera seperti yang ditetapkan. Perkara-perkara yang diberikan perhatian ialah latar belakang kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, metodologi kajian, masalah kajian dan kesimpulan kepada keseluruhan kajian yang dijalankan.

### **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Secara dasarnya, tujuan kajian atau penulisan ini dilakukan adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan Ijazah sarjana Sastera (Pengajian Peradaban) Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Penulis telah memilih tajuk ini dengan harapan untuk mengetahui sejauh manakah jurang perbezaan di antara Barat, Islam dan Melayu di dalam memahami serta mengamalkan semangat nasionalisme itu sendiri.

Selain dari itu, penerimaan, pemahaman dan pengamalan terhadap nasionalisme itu juga telah menjadi kontroversi apabila Barat, Islam dan Melayu, masing-masing mempunyai tanggapan serta penggunaannya yang

berbeza di dalam menegakkan kemerdekaan dan memelihara negara dari sebarang bentuk penjajahan.

Apa yang kita kawatiri ialah apabila penerimaan, pemahaman dan pengamalan terhadap nasionalisme itu tidak dikaitkan dengan Islam sebagai agama fitrah kepada manusia yang diturunkan oleh Allah SWT. Ianya mungkin akan menjadikan masyarakat Islam khususnya Melayu dengan mudah hanya mencedok dan mengambil secara borong apa yang dibawa oleh Barat tentang nasionalisme, tanpa mengkaji sama ada ianya diterima atau bertentangan dengan Islam.

Di samping itu, disebabkan penerimaan dan tanggapan yang berbeza ini, ianya telah menyebabkan masyarakat Islam khususnya Melayu berpecah belah dengan mengatakan bahawa nasionalisme itu sesuatu yang mesti ada dan sebaliknya ada juga yang mengatakan bahawa nasionalisme itu bercanggah dengan Islam dan sebagainya. Pertentangan dan perselisihan ini telah menyebabkan masyarakat Melayu sukar untuk bersatu, apatah lagi sekiranya mereka cuba membelakangkan agama dari dalam kehidupan mereka.

Justeru itu, kajian ini dilakukan untuk membuat satu perbandingan supaya hasilnya ini akan meleraikan segala kekusutan, menjelaskan sesuatu keaburan dan menjernihkan kekeruhan di kalangan masyarakat Melayu

khususnya terhadap konsep, penerimaan, pemahaman dan pengamalan terhadap nasionalisme.

### **1.3 PENGERTIAN TAJUK**

Kajian ini adalah merupakan satu kajian perbandingan terhadap nasionalisme di antara Barat, Islam dan Melayu di dalam beberapa aspek, antaranya dari segi pentakrifan, konsep, ciri-ciri, sejarah, pandangan para pemikir, penerimaan dan juga pengamalan terhadap nasionalisme.

Di samping itu, ianya juga menghubungkan antara nasionalisme dengan asabiyah dan Hubbul Watan Minal Iman yang mana ianya lebih menumpukan kepada pendekatan Islam yang bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Secara umumnya, kajiannya ini dilakukan adalah untuk membuat perbandingan antara Barat, Islam dan Melayu terhadap nasionalisme. Ianya dirasakan amat perlu supaya masyarakat Melayu tidak hanya menjadi masyarakat yang taklid membuta tuli terhadap konsep dan pengamalan nasionalisme. Sebaliknya, dengan kajian perbandingan tentang nasionalisme ini, ianya akan memberikan satu garis petunjuk kepada masyarakat Melayu dari

sebarang kekeliruan dan memperbetulkan tanggapan yang tidak berasas terhadap nasionalisme.

Pengkajian ini sangat perlu kerana terlalu sedikit di kalangan penulis yang cuba memberi gambaran dan pemahaman yang jelas terhadap nasionalisme khususnya apabila ianya dikaitkan dengan Islam, maka sudah pastinya kita akan membincangkan secara lebih terperinci tentang hukum dan kedudukan kita sebagai masyarakat Islam di dalam mengamalkan konsep nasionalisme itu sendiri.

Malah terdapat juga di kalangan mereka yang berpendidikan agama, namun masih kabur dan kurang faham tentang nasionalisme sehingga mereka menjadi orang yang lebih kebaratan di dalam memahami konsep nasionalisme.

## **1.5 METHODOLOGI KAJIAN**

Di dalam kajian ini, penulis telah menggunakan berbagai method kajian bagi mendapatkan fakta dan hujah yang kukuh di dalam membuat perbandingan terhadap tajuk kajian ini. Secara umumnya, penulis telah menggunakan method kajian perpustakaan. Secara keseluruhannya kajian ini berasaskan kepada penyelidikan perpustakaan (*library research*). Kajian terhadap bahan-bahan perpustakaan ini merupakan satu kaedah yang popular bagi meneliti tajuk yang berkaitan dengan perbandingan sesuatu konsep atau

ideologi khususnya fahaman nasionalisme. Kebanyakan analisis dan kandungan bagi setiap pandangan terhadap konsep nasionalisme dan perbandingan yang dilakukan adalah merujuk kepada hasil kajian dari sumber perpustakaan iaitu buku-buku yang menghuraikan tentang nasionalisme dari perspektif Barat, Islam dan juga Melayu. Terdapat juga beberapa kertas kerja dan hasil kajian dalam bentuk artikel dan jurnal yang menghuraikan tajuk kajian ini.

## 1.6 MASALAH KAJIAN

Di dalam menyempurnakan disertasi ini, penulis telah menghadapi beberapa kesulitan dan masalah, di mana ianya menyebabkan penulis terpaksa berbincang dan meminta nasihat dari penyelia dalam menyempurnakan kajian ini.

Masalah utama yang dihadapi oleh penulis ialah berkaitan buku rujukan berhubung dengan nasionalisme Islam, antaranya berkaitan asabiyah dan Hubbul Watan Minal Iman yang penulis cuba kaitkan dengan nasionalisme secara lebih tepat. Kedua-dua elemen atau frasa ini hanyalah diulas dalam kitab-kitab Arab yang mana ianya dibincangkan agak mendalam di dalam bab kenegaraan (*Siasah*) dan bab pemikiran (*al-Fikrah*).

Selain dari itu, penulisan dalam bahasa Arab juga sering menghubungkan nasionalisme dengan Qaumiyyah. Dengan ini, ianya menyukarkan penulis untuk menghuraikan secara terperinci berhubung tajuk kajian ini khususnya tentang nasionalisme Islam. Walau bagaimanapun, dengan beberapa kitab dan buku-buku Arab yang mengulas tentang asabiyah, Hubbul Watan Minal Iman dan Qaumiyyah ini, ianya telah dapat membantu penulis dalam membuat beberapa perbandingan tentang tajuk kajian ini.

Secara keseluruhannya, penulis berpuas hati dan bersyukur ke hadrat Allah SWT yang telah memberikan petunjuk dan hidayahNya kepada diri penulis untuk menyempurnakan kajian ini. Bimbingan yang teramat besar dan tinggi nilainya serta sikap bersungguh-sungguh oleh Profesor Madya Dr. Mohd Hazim Shah bin Abdul Murad selaku penyelia serta rakan seperjuangan, akhirnya penulisan disertasi ini mampu disempurnakan.

## **1.7 KESIMPULAN BAB**

Sebagai kesimpulannya, diharapkan penulisan ini dapat memberikan gambaran dan penerangan yang jelas agar ianya dapat dilaksanakan oleh seluruh warganegara yang mahukan syiar Islam sentiasa tertegak di bumi Allah SWT ini dengan berpandukan kepada amalan nasionalisme yang betul dan tidak bertentangan dengan Islam.

Hasil kajian ini diharapkan dapat memperbaiki tanggapan yang negatif atau pandangan yang sempit terhadap konsep nasionalisme khususnya di Malaysia. Ianya perlu kepada pemahaman dan penyesuaian penduduk setempat berdasarkan kepada amalan serta penerimaan masyarakat tersebut. Namun asas kepada pengamalan nasionalisme itu tidak boleh bercanggah dengan konsep Tauhid Allah SWT agar ianya menjadi semangat nasionalisme yang selari dengan fitrah manusia demi mempertahankan maruah agama, dirinya, bangsa dan negaranya dari penjajahan serta penindasan yang akhirnya akan mengembangbiakkan kezaliman terhadap diri manusia.

Segala sesuatu itu datang dari Allah SWT, maka kepada Allah jugalah ianya perlu dirujuk agar segala perlakuan kita tidak bertentangan dengan kehendak serta perintah Allah SWT. Semoga kajian ini dapat membuka minda dan dapat menjadikan diri kita sebagai khalifah Allah SWT yang akan mendaulatkan Islam di bumi Allah ini.